



Bukan usir orang Melayu

Pembangunan Kampung Baru beri peluang semua waris miliki hak pegangan

CADANGAN pembangunan semula Kampung Baru membolehkan kesemua pemilik dan waris tanah memilik hak pegangan atau manfaat kewangan sekiranya projek itu berjaya dilaksanakan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, berbeza dengan keadaan sekarang pemilik tanah terpaksa berkongsi dengan waris-waris yang lain.

Beliau turut menepis dakwaan orang Melayu bakal diusir sekiranya pembangunan semula kampung warisan itu dilaksanakan.

Sebaliknya beliau berkata, lebih ramai orang Melayu dapat mendiami di kawasan Kampung Baru apabila ia dibangunkan kelak.


BERITA PENUH DI MUKA 2



INILAH antara rumah tradisi yang bakal dikekalkan dalam pelan pembangunan semula Kampung Baru.



PPTG WPKL roboh
20 gerai haram >4



Penguatkuasa
PPj guna basikal
elektrik >8

2,000 pelumba berentap di KL OCBC Cycle 2019

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – OCBC Bank (Malaysia) Bhd. akan menganjurkan program kayuhan santai Kuala Lumpur (KL) OCBC City Ride 2019 yang dijadualkan berlangsung pada 24 November ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ong Eng Bin, acara yang memasuki edisi keenam itu terbuka kepada mana-mana individu atau pasukan untuk menyertainya.

"Mana-mana individu yang berminat untuk menyertai acara berkenaan boleh menyertai acara berbasikal sejauh 21 kilometer (km) dan kategori 42km yang lebih mencabar.

"Sehingga kini kami telah menerima pendaftaran penyertaan 1,500 peserta melibatkan 20 buah negara termasuk Amerika Syarikat,



KHALID (tengah) bersama Nor Hisham menunjukkan poster KL OCBC City Ride 2019 selepas melancarkan pengumuman acara perlumbaan basikal di Menara DBKL, Kuala Lumpur baru-baru ini. Turut kelihatan Eng Bin (tiga dari kiri), Naim (kanan) dan Mohd. Nazam (dua dari kiri).

Britain dan Australia," katanya pada majlis pelancaran Kuala Lumpur OCBC City Ride 2019 di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini baru-baru ini.

Perlumbaan tersebut

dijangka menarik kira-kira 2,000 peserta dengan pengenalan kategori baharu sejauh 21km.

Majlis itu disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad. Hadir

sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan acara tersebut, Prof. Datuk Naim Mohamad; Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin

Bank Bhd., Syed Abdull Aziz Syed Kechik dan Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, Mohd. Nazam Harun.

Terdahulu Khalid dalam ucapannya berkata, kementerian menyokong pengumuman aktiviti berbasikal yang dianjurkan oleh pihak OCBC Bank bersempena dengan KL Car Free Morning yang dianjurkan dua kali sebulan.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada OCBC Bank sekali lagi memainkan peranan penting untuk terus menjadikan komuniti berbasikal di bandar raya ini berkembang maju.

"Adalah baik untuk mempunyai platform untuk peminat berbasikal untuk mengambil bahagian dalam sukan yang sihat seperti ini dan mendorong diri mereka sedikit lebih mencabar untuk berbasikal tengah-tengah bandar raya," katanya.

Pembangunan semula Kampung Baru mampu bawa masuk lebih ramai orang Melayu

Peluang semua waris miliki hartanah

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA – Pembangunan semula Kampung Baru yang direncanakan pihak kerajaan membuka peluang kepada keseluruhan pemilik termasuk waris mempunyai hak pegangan atau harta persendirian.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pembangunan tersebut membolehkan kesemua pihak yang mempunyai pegangan di tanah Kampung Baru mempunyai aset masing-masing berbanding pada masa ini hak pemilikan perlu dikongsi.

Malah katanya, dakwaan bahawa orang Melayu diusir adalah tidak tepat berikutan inisiatif kerajaan itu dapat membawa lebih ramai orang Melayu iaitu pemilik serta pewaris untuk turut berada di dalam tanah seluas kira-kira

200 ekar.

"Kalau sekarang, pemilik ada 20 orang, tidak bermakna 20 orang itu duduk bersama, semestinya hanya satu keluarga sahaja. Jika ia dibangunkan, semua pemilik yang 20 orang boleh duduk di situ sekali gus menjadikan jumlah penduduk Melayu bertambah.

"Kita berikan peluang untuk semua pemilik duduk di situ ataupun kalau tak nak duduk di situ, dia boleh memiliki harta yang sudah dipecah-pecahkan dengan nilai yang sama malahan dengan nilai yang bertambah," katanya dalam program Temubual Jom Channel baru-baru ini.

Menurut Khalid, sekiranya tanah tersebut dimajukan, pemilik tidak semestinya perlu melepaskan hak milik sepenuhnya.

Jelas beliau, sebagai contoh sekiranya tanah tersebut bernilai RM8 juta, penduduk



PEMBANGUNAN semula Kampung Baru bakal membolehkan jumlah pemilikan hartanah orang Melayu meningkat.

boleh mengambil wang tunai RM2 juta dan selebihnya digunakan untuk membeli aset di dalam pembangunan yang dirancang.

Ujarnya, bilangan orang Melayu yang kaya dan berharta juga akan bertambah kerana hartanah yang ada itu

dapat dicair dan dibahagikan sama rata.

Mengulas tentang sama ada mustahil atau tidak untuk membangunkan Kampung Baru, beliau berkata, dakwaan tersebut tidak berasas kerana lokasi itu sama seperti kawasan lain tetapi

mempunyai syarat-syarat tertentu iaitu mestilah dimiliki orang Melayu.

"Sekiranya dikaitkan dengan elemen sentimental, sukar mahu berbicara kerana kalau kita tawarkan banyak manapun mereka tidak akan terima.

"Cadangan ini harus mereka terima dan tidak menggunakan sentimental itu untuk menghalang mereka daripada mengekalkan suasana kekampungan," jelasnya yang akan membuat perjumpaan bersama pemilik dan waris tanah Kampung Baru pada 21 September ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut dijadual hadir pada pertemuan tersebut. *Wilayahku* difahamkan pada pertemuan tersebut, kerajaan akan mengumumkan tawaran baharu bagi projek pembangunan semula Kampung Baru kepada pemilik dan waris tanah di kawasan tersebut.

Mohamed Naseer warisi bakat ayah

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

PENGLIBATAN dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah disemai oleh bapanya dari kecil menyebabkan dirinya menjiwai kerja-kerja kebajikan dan kesukarelawan.

Ini mendorong Mohamed Naseer Mohamed, 39, tidak akan melepaskan peluang untuk menabur bakti dalam apa jua program yang bersangkutan dengan kebajikan.

"Pendedahan dalam pertubuhan belia bermula semasa saya berusia 13 tahun. Ketika itu ayah sedang dalam proses menubuhkan sebuah persatuan belia.

"Akhirnya, penat-lelah bapa terbayar apabila beliau berjaya menubuhkan Persatuan Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA)," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Penubuhan GEPIMA menjadi titik permulaan penglibatan Mohamad Naseer

dalam kegiatan pertubuhan belia.

Menurut Mohamed Naseer, penglibatannya selama lebih 23 tahun dalam GEPIMA menjadikannya lebih matang selain mengajar erti tanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.

"Saya dapat menggilap bakat dalam kepimpinan dan kini telah di lantik sebagai Pengerusi GEPIMA Kuala Lumpur," katanya.

Kata Mohamed Naseer lagi, pembabitannya dalam GEPIMA telah mencorakan kehidupannya sebagai pemimpin sehingga berjaya mendapat pengiktirafan.

"Pada 20 Jun 2010 saya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Johan Kategori Kesukarelaan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Belia 2010 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Menurut anak jati Kuala Lumpur ini lagi, melalui pertubuhan ini juga, beliau berpeluang ramai orang dari pelbagai lapisan masyarakat.

"Selain itu, ia sudah pasti membantu

meningkatkan keyakinan dan meneroka lebih banyak peluang perniagaan untuk jangka masa panjang.

"Pertubuhan ini juga, menjadi satu landasan kepada saya untuk menyumbang kembali kepada masyarakat yang memerlukan," katanya.

Kata Mohamed Naseer lagi, melalui aktiviti dalam pertubuhan belia, beliau berpeluang menyertai Asean Youth Program Malaysia - Cambodia.

"Melalui program itu, saya dapat melihat betapa susahnyanya masyarakat dan belia di sana hidup dalam keadaan kesengsaraan berbanding Malaysia.

"Melalui penyertaan itu, saya mendapat pengajaran bahawa setiap belia harus membina negara bersama-sama dan sentiasa bersyukur kerana hidup di dalam negara yang aman dan makmur," katanya.



Penduduk PPR Kerinchi rasa fobia mahu naik lif

Bukan kali pertama terhempas

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR - Kejadian lif terhempas yang berlaku di Blok C, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di sini baru-baru ini menyebabkan penduduk khususnya warga emas berasa takut dan fobia untuk menaiki lif.

Malah ekorin insiden tersebut, warga emas, P. Agama, 62, sanggup menggunakan tangga untuk ke rumahnya di tingkat 7 jika hanya bersendirian menunggu lif.

Menurutnya, kejadian lif tersekat sering berlaku selain pintunya yang sukar ditutup sehingga penduduk terpaksa menolaknya menggunakan

tangan.

"Sepanjang 12 tahun saya tinggal di sini, sudah tiga kali lif tersangkut dan pintunya sukar ditutup. Kadang-kadang saya akan menggunakan tangga untuk ke rumah jika tiada penduduk lain yang ingin naik lif," katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Seorang lagi penduduk, Halimatul Saadiah Mohd. Saleh, 59, berkata, dia pernah terperangkap di dalam lif hampir 30 minit selepas salah seorang pengguna keluar di tingkat 11.

Katanya, kejadian tersebut amat mengejutkan kerana sering melihat lif tersebut diselenggara.

Pekerja swasta, Zainudin Baharudin, 33, pula menceritakan, pengalaman ter-



HALIMATUL



ZAINUDIN



MOHD. YUSOFF (kiri) bersama penduduk 'Blok C' PPR Kerinchi melihat lif yang tidak boleh digunakan selepas insiden lif terhempas baru-baru ini.

hempas bersama isteri tiga tahun lalu menyebabkannya sentiasa berhati-hati sebelum menaiki lif.

"Dua kali lif terhempas semasa saya berada di dalamnya. Kali pertama semasa 2014 dan kali kedua pada 2016.

"Pada masa itu, saya ber-

sama isteri dan tiga orang lagi penduduk menaiki lif. Tiba-tiba lif tidak berfungsi dan kami semua terhempas dari tingkat 3, keadaan itu menyebabkan isteri saya mengalami sakit lutut sehingga sekarang," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Blok C,

PPR Kerinchi, Mohd. Yusoff Ibrahim berharap ketiga-tiga lif yang di blok berkenaan dapat diganti baharu berikutan sudah lama digunakan iaitu sejak 2007.

Ujarnya, walaupun sering diselenggara, lif tersebut sudah berusia dan mempunyai banyak masalah serta tidak selamat digunakan tambahan pula bilangan penduduk hampir 1,600 orang.

Terdahulu Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad ketika ditemui menegaskan, semua lif di ibu negara khususnya di bangunan bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu diperiksa bagi mengelakkan kejadian lif terhempas berulang.

"Bila berlaku di PPR Kerinchi, maka semua lif yang seusianya perlu diperiksa supaya kejadian seumpama itu tidak berulang. Hanya dalam kes ini kita kena kenal pasti apa masalah yang sebenar," katanya.